

SIARAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA
TM. 97/2026**

28 MAC 2026

TOURISM MALAYSIA PERKUKUH JARINGAN UDARA SERANTAU MENERUSI PENERBANGAN SULUNG AERODILI KE KUALA LUMPUR

SEPANG — Tourism Malaysia hari ini menyambut ketibaan penerbangan sulung AeroDili (8G) dari Dili, Timor Leste yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Terminal 2 pada jam 11.15 pagi. Ketibaan bersejarah ini menandakan perkhidmatan terus pertama AeroDili yang menghubungkan Timor Leste dan Malaysia. Majlis sambutan ketibaan penerbangan tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Surendren Sathasiven, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). Turut hadir ialah YBrs. Encik Lee Thai Hung, Timbalan Ketua Pengarah (Promosi II) Tourism Malaysia, YBrs. Puan Baizuri binti Baharum, Pengarah Bahagian Promosi Antarabangsa (Asia Tenggara), serta perwakilan daripada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan AeroDili Airlines.

Pengenalan laluan baharu ini merupakan pencapaian penting dalam memperkukuh jalinan udara antara Timor Leste dan Malaysia, sekali gus membuka peluang baharu bagi mempertingkatkan pertukaran pelancongan serta ekonomi antara kedua-dua buah negara. Perkhidmatan baharu ini juga menyokong usaha Tourism Malaysia dalam memperluas akses perjalanan dari pasaran sedang pesat membangun bersempena dengan Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Penerbangan sulung tersebut dikendalikan menggunakan pesawat Airbus A319-100 dengan kapasiti 122 tempat duduk. Perkhidmatan ini akan beroperasi dua kali seminggu iaitu pada setiap hari Selasa dan Sabtu, sekali gus menyediakan pilihan perjalanan yang memudahkan pelancong bagi segmen riadah mahupun perniagaan antara Dili dan Kuala Lumpur. Penerbangan 8G921 dijadualkan tiba di Terminal 2 KLIA pada jam 11.15 pagi, manakala penerbangan 8G922 dijadualkan berlepas pada jam 12.00 tengah hari.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif AeroDili, Encik Lourenço de Oliveira, turut menyatakan keterujaan beliau mengenai perluasan rangkaian antarabangsa terbaharu syarikat penerbangan tersebut.

“Kami berbangga dapat melancarkan perkhidmatan sulung yang menghubungkan Dili dan Kuala Lumpur ini, sekali gus menandakan pencapaian signifikan buat AeroDili dalam memperluas rangkaian antarabangsa kami. Kuala Lumpur merupakan hab serantau yang penting dan laluan ini akan menyediakan peluang perjalanan yang lebih baik bagi penumpang dari Timor Leste, di samping memperkukuh hubungan pelancongan, perniagaan, serta jalinan antara rakyat kedua-dua buah negara. Kami berharap dapat bekerjasama rapat dengan Tourism Malaysia dan rakan kongsi kami untuk

membangunkan laluan ini serta menyumbang kepada momentum menjelang VM2026,” ujar beliau.

Pelancaran perkhidmatan baharu ini mencerminkan komitmen berterusan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan dan hab penerbangan utama di Asia Tenggara. Tourism Malaysia terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi syarikat penerbangan, pihak berkuasa lapangan terbang serta pemegang taruh pelancongan bagi memperkukuh rangkaian udara antarabangsa dan menyokong kejayaan kempen VM2026. Inisiatif ini bertujuan menarik lebih ramai pelawat global di samping mempamerkan kekayaan budaya, keindahan alam semula jadi serta pengalaman pelancongan unik yang ditawarkan oleh Malaysia.

- TAMAT -

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), and [TikTok](#).



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Noor Izzati binti Mohd idris
Penolong Pengarah
Bahagian Promosi Antarabangsa
(Asia Tenggara)[@tourism.gov.my](mailto:norshariza@tourism.gov.my)
Tel: +603 8891 8225

Norshariza binti Mohd Saad
Timbalan Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
norshariza@tourism.gov.my
Tel: +603 8891 8775

